

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]
TARIKH : 8.4.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebabnya sesetengah sekolah menghadapi masalah memohon projek-projek penyelenggaraan kecil dan bekalan meja kerusi daripada PPD sehingga PIBG sekolah kena membuat permohonan daripada wakil rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya prihatin terhadap keperluan penyelenggaraan dan bekalan perabot di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan daripada KPM bagi keperluan kerja-kerja penyelenggaraan, membaik pulih bangunan dan kerja tanah untuk sekolah seluruh negara pada tahun 2014 berjumlah RM1.7 billion.

Namun peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada KPM hanya sebanyak RM180.54 juta iaitu hanya 10.62 % daripada jumlah keperluan sebenar. Oleh yang demikian, permohonan penyelenggaraan daripada sekolah-sekolah diputuskan berdasarkan kepada kemampuan kewangan yang ada serta tahap kerosakan yang berlaku memandangkan

sekolah-sekolah yang berada dalam senarai untuk diselenggarakan adalah terlalu banyak.

Bagi bekalan perabot pula, semua permohonan berkenaan maklumat keperluan kerusi dan meja di sekolah diselaraskan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dikemukakan kepada Kementerian. Agihan adalah berdasarkan keutamaan/kritikal dan tertakluk kepada jumlah siling peruntukan yang disediakan pada tahun semasa.

Rjm